

Bil. S 88

**AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(Penggai 147)**

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2017

SUSUNAN PERENGGAN-PERENGGAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pengisytiharan tempat terkawal
3. Pihak berkuasa

AKTA KAWASAN TERKAWAL DAN TEMPAT TERKAWAL
(Penggai 147)

PERINTAH TEMPAT TERKAWAL, 2017

Pada menjalankan kuasa yang telah diberikan oleh bab 5(1) dari Akta Kawasan Terkawal dan Tempat Terkawal, maka Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Tempat Terkawal, 2017 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada tarikh Perintah ini dibuat.

Pengisytiharan **tempat** terkawal

2. Tempat-tempat yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual di bawah ini, yang diperihalkan dengan lebih khusus dalam pelan yang dinyatakan dalam ruang kedua yang disimpan di pejabat Juruukur Agung, adalah dengan ini diisytiharkan sebagai tempat terkawal bagi maksud-maksud Akta itu.

Pihak berkuasa

3. Pihak-pihak berkuasa yang dinyatakan dalam ruang ketiga Jadual di bawah ini adalah pihak berkuasa yang akan memberikan kebenaran untuk memasuki tempat terkawal itu.

JADUAL
(perenggan-perenggan 2 dan 3)

<i>Tempat</i>	<i>Nombor Pelan</i>	<i>Pihak Berkuasa</i>
Bangunan dan Kawasan, Pusat Al-Islah, Biro Kawalan Narkotik, Kampung Kerakas Payau, Kupang, Tutong.	GT160001TU	Pengarah Biro Kawalan Narkotik

Bertarikh pada hari ini 15 haribulan Zulhijjah, Tahun Hijrah 1438 bersamaan dengan 7 haribulan September, 2017.

PEHIN ORANG KAYA SERI KERNA DATO SERI SETIA
(DR.)HAJI AWANG ABU BAKAR BIN HAJI APONG
Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri,
Negara Brunei Darussalam.